

Fokus kerja untuk rakyat pula



ANALISIS
MUKA 16

ROSKHOIRAH YAHYA

Bagi mereka yang mengikuti persidangan Parlimen pada Isnin lalu, pelbagai sikap wakil rakyat dapat disaksikan ketika sesi pembahasan bagi menentukan keabsahan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10.

Ada wakil rakyat yang bertindak mengeluarkan kata-kata kurang sopan sehingga membuatkan sidang Dewan Rakyat sedikit kecoh apabila berlaku pertikaman lidah antara ahli Parlimen.

Sebagai seorang pemimpin yang telah diamanahkan oleh rakyat, ahli Parlimen seharusnya menjaga tingkah laku, apatah lagi di dalam Dewan Rakyat yang mulia.

Anwar telah sah mendapat sokongan majoriti menerusi undian suara di Dewan Rakyat, sekali gus menutup mulut pengkritik yang mempertikaikan keabsahannya sebagai Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan pimpinannya.

Kini keabsahan Anwar sudah terbukti. Eloklah semua wakil rakyat balik semula ke landasan dan tujuan sebenar menyertai politik iaitu untuk membantu rakyat dan membangunkan negara.

Sudah-sudahlah bertindak kebudak-budakan, sebaliknya mulakan langkah untuk berkhidmat dan menyenangkan rakyat.

Kita sudah melalui zaman ketidakstabilan yang memeritkan apabila dalam tempoh empat tahun sebanyak tiga individu dilantik sebagai

perdana menteri. Ketidakstabilan politik boleh menyebabkan pelabur tidak datang dan ini menjejaskan ekonomi negara.

Penganalisis Politik, Profesor Dr Rusdi Omar berkata, sudah masanya kerajaan melakukan kerja selepas Anwar membuktikan keabsahannya.

"Sekarang ini masa untuk Anwar dan menterinya lakukan kerja. Fokus utama harus diberikan untuk selesaikan isu ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Bukan masanya lagi untuk ahli Parlimen berfikir mengenai peralihan kuasa dan sebagainya," katanya pada Isnin.

Semua pihak kini wajar memberi peluang kepada Anwar dan barisan kabinet untuk merangka strategi dan melaksanakannya dengan efisien demi kesejahteraan rakyat tanpa sebarang gangguan.

Rakyat tersepit

Hakikatnya, Malaysia merekodkan 434,197 ketua isi rumah (KIR) tergolong dalam kelompok miskin dan miskin tegar dengan kehidupan kumpulan itu semakin tersepit ketika negara mengalami kenaikan kos sara hidup akibat inflasi.

Daripada angka 434,197 itu, sebanyak 130,709 mewakili KIR berstatus miskin tegar, manakala 303,488 lagi mewakili KIR berstatus miskin.

Keadaan bertambah perit susulan kenaikan harga barang atas pelbagai faktor dalaman dan luaran.

Bukan sahaja barangan keperluan asas yang menyaksikan kenaikan harga, malah makanan yang dijual di kedai makan dan gerai juga dikhuatiri akan terus meningkat.

Penganalisis turut meramalkan gelombang peningkatan harga barangan dijangka berlarutan sehingga tahun hadapan.

Menurut mereka, ia berdasarkan jangkaan penyusutan Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK) dan perkembangan ekonomi global.

Penganalisis Ekonomi daripada Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula memberitahu, situasi penyusutan KDNK yang dilihat menyumbang kepada kelemahan ringgit akan meningkatkan harga barangan khususnya makanan yang rantai bekalannya bergantung kepada bahan import.

Tugas itu bukan mudah dan tidak mungkin boleh diselesaikan dalam sekelip mata, justeru kerajaan wajar diberikan masa yang secukupnya dan mendapat sokongan daripada semua pihak.

Perdana Menteri sendiri telah mengajak semua ahli Parlimen sama ada di pihak kerajaan mahupun pembangkang untuk segera menghentikan intrik politik yang boleh membawa ke kancah perpecahan.

Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab semua wakil rakyat yang memenangi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) lalu untuk sama-sama memainkan peranan dalam memacu Malaysia ke arah yang lebih baik.

Oleh itu, semua pihak perlu memberi perhatian sepenuhnya untuk merapatkan hubungan demi memupuk semangat kebersamaan sekali gus membangunkan negara dan memulihkan ekonomi serta kehidupan rakyat.

Jika ada perkara berbangkit, berilah kritikan secara membina dan bijak, bukannya bertindak secara membuta tuli terutama berkaitan isu yang melibatkan kepentingan rakyat.

Buat masa sekarang, tumpukan kepada kebajikan rakyat lebih-lebih lagi sewaktu musibah banjir, itu yang paling penting.

** Roskhoirah Yahya ialah wartawan Sinar Harian*